

Kanak-kanak enam tahun kena dera

Polis tahan bapa untuk bantu siasatan

Oleh Zuliaty Zulkiffli
bhnews@bharian.com.my

ALOR SETAR: Seorang kanak-kanak lelaki hiperaktif berusia enam tahun cedera di belakang badan dipercayai akibat didera bapanya yang dikatakan tidak tahan kerana mangsa terlalu nakal dan sukar dikawal.

Kejadian itu hanya disedari neneknya yang berusia 53 tahun kira-kira jam 9 malam Isnin lalu selepas mendapati belakang cucunya berbirat dan mangsa mengadu dipukul bapanya dengan rotan sehingga meninggalkan kesan.

Ketika kejadian, ibu mangsa yang berusia 30-an dan adik lelakinya yang berusia empat tahun turut berada di

rumah mereka di Kota Sarang Semut dan hanya mampu menyaksikan kejadian itu.

Nenek mangsa berkata, bapa kanak-kanak itu pernah memukul cucunya beberapa kali sebelum ini kerana tidak tahan dengan perangai anak sulung daripada dua beradik itu yang hiperaktif.

"Kami pernah menasihatkan bapanya supaya jangan memukul anaknya kerana mangsa masih kecil dan ti-

“Kerana bimbang keselamatan cucu saya, kami terpaksa membuat laporan polis”

Nenek mangsa

dak menyangka kali ini pukulannya agak kuat sehingga meninggalkan kesan kecederaan.

"Kerana bimbang keselamatan cucu saya, kami terpaksa membuat laporan di Balai Polis Kota Sarang Semut untuk memaklumkan kejadian itu," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Kanak-kanak itu kemudian dimasukkan ke Hospital Sultanah Bahiyah (HSB).

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Kota Setar, Asisten Komisioner Abdul Ghafar Rajab ketika dihubungi mengesahkan menerima laporan mengenai kejadian itu dan sudah menahan bapa mangsa yang berusia 30-an untuk membantu siasatan.

Sementara itu, Abdul Gha-



KESAN kecederaan di badan kanak-kanak selepas didakwa didera oleh bapanya sendiri.

far berkata, polis mencari seorang lelaki berusia 20-an untuk membantu kes rogol membabitkan seorang kanak-kanak perempuan berusia 12 tahun.

Katanya, kejadian dipercayai berlaku antara 14 Mei

hingga kelmarin selepas mangsa melarikan diri dari rumahnya di sini akibat dimarahi ibunya kerana ponteng sekolah.

Mangsa dipercayai mengikut lelaki itu sebelum dirogol beberapa kali.